

DANA AL-ISLAH FEBRUARI 2026

SEMUA DATA ADALAH SETAKAT 31 JANUARI 2026
KECUALI DINYATAKAN SELAINNYA



MAKLUMAT DANA

Tarikh Pelancaran: 14 Ogos 2002
Kategori Dana/Jenis Dana: Sukuk/pendapatan
Saiz Dana: RM226,313,755.50
Harga Tawaran Permulaan: RM0.5000
NAB per Unit: RM0.7295
Skim Pelaburan KWSP: Ya
No. ISIN: MYU940000AF0

FI, CAJ DAN PERBELANJAAN

Fi Pengurusan Tahunan:
Sehingga 1.25% daripada NAB Setahun

Fi Tahunan Pemegang Amanah:
Sehingga 0.07% daripada NAB setahun tertakluk kepada minimum RM18,000 setahun

Caj Jualan:
Langsung: Sehingga 3.00% daripada NAB per Unit

KWSP:
e-PPA: 3.0% daripada NAB per Unit
i-Invest: 0.5% daripada NAB per Unit

Caj Jualan Balik: Tiada

Tempoh Pembayaran Jualan Balik:
Tujuh (7) hari bekerja

BUTIRAN TRANSAKSI

Pelaburan Permulaan Minimum:
Jumlah Sekaligus: RM1000*
Pelaburan Berkala: RM100*

Pelaburan Tambahan Minimum:
Jumlah Sekaligus & Pelaburan Berkala: RM100*

* Pengurus berhak untuk meminda jumlah minimum yang ditetapkan di atas dari semasa ke semasa

PENGAGIHAN

Polisi Agihan Pendapatan:
Sekurang-kurangnya sekali setahun, tertakluk kepada ketersediaan pendapatan

NAB DANA:

	NAB	Tarikh
52-Minggu Tinggi	0.7405	21-02-2025
52-Minggu Rendah	0.6998	09-04-2025

PENGURUS DANA


Pengurus Pelaburan Luar:
EastSpring Al-Wara' Investments Berhad

EastSpring Investments Berhad 200001028634 (531241-U)
Level 22, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur
Tel: 603 - 2778 3888
E-mail: cs.my@eastspring.com
Web: www.eastspring.com/my

OBJEKTIF DANA

Dana ini bertujuan untuk menyediakan pelabur dengan aliran pendapatan yang stabil dan peluang untuk peningkatan modal daripada sekuriti pendapatan tetap dan ekuiti patuh Syariah.

PERUNTUKAN ASET*



1. Sekuriti Pendapatan Tetap Yang Tidak Disenaraikan	67.65%	9. Telekomunikasi	1.52%
2. Tunai & setara tunai	7.32%	10. Hartanah	1.52%
3. Jana Kuasa / Utiliti	3.65%	11. Bahan Binaan	1.06%
4. Penjagaan Kesihatan	3.10%	12. Minyak dan Gas	0.82%
5. Pembuatan	3.05%	13. Perbankan & Kewangan	0.81%
6. Teknologi	2.99%	14. Pengangkutan	0.74%
7. Perladangan / Sumber Asli	2.57%	15. Konglomerat	0.42%
8. Pembinaan	2.50%	16. Pengguna	0.28%

* sebagai peratusan NAB.

PEGANGAN UTAMA*

Pegangan Ekuiti

1. Tenaga Nasional Berhad	3.65%
2. Press Metal Aluminium Holdings Berhad	2.82%
3. IHH Healthcare Berhad	2.73%
4. SD Guthrie Berhad	2.57%
5. Gamuda Berhad	1.93%


* sebagai peratusan NAB.

Pegangan Bon

1. Kerajaan Malaysia	36.69%
2. Turus Pesawat Sdn Bhd	6.06%
3. Exsim Capital Resources Berhad	4.45%
4. TG Treasury Berhad	4.44%
5. Affin Islamic Bank Berhad	2.25%

PRESTASI DANA

EastSpring Investments Dana al-Islah - Pulangan Sejak Dimulakan (SI) berbanding Penanda Aras



Prestasi dikira berdasarkan NAB-ke-NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula.

Sumber: Lipper for Investment Management. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

JADUAL PRESTASI

	1 bulan	6 bulan	YTD	1 tahun	3 tahun	5 tahun	10 tahun	Sejak Permulaan
Dana	-0.03%	2.17%	-0.03%	4.93%	9.45%	10.60%	38.47%	213.39%
Penanda aras *	0.49%	2.80%	0.49%	4.38%	11.68%	11.21%	31.11%	134.93%

* 78% Quant Shop Malaysian Government Securities (MGS Short Index + 22% Financial Times Stock Exchange Bursa Malaysia Emas Shariah Index (FBMS)
Prestasi dana dan kedudukan Lipper diperoleh daripada Lipper for Investment Management dan penanda aras adalah daripada www.quantshop.com dan www.bursamalaysia.com, 31 Januari 2026. Prestasi dikira berdasarkan Nilai Aset Bersih ("NAB") kepada asas NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

PENILAIAN LIPPER LEADER (KESELURUHAN)

Jumlah Pulangan	Pulangan Konsisten	Pemeliharaan	Penanda Taraf Lipper Leaders
①	②	⑤	Terendah ① Tertinggi ⑤

Sistem Penilaian Lipper Leaders ialah satu sistem penarafan yang membimbing pelabur dan penasihat mereka untuk memilih dana yang sesuai dengan gaya dan matlamat pelaburan individu. Ia menggunakan kriteria berprestasi pelabur untuk menyampaikan penerangan yang ringkas lagi jelas tentang kejayaan dana memenuhi matlamat tertentu, seperti memelihara modal atau membina kekayaan melalui pulangan kukuh yang konsisten.

Penarafan Lipper Leader diperoleh daripada formula yang sangat canggih, yang menganalisis dana berdasarkan ketelusan kriteria. Setiap dana ditarafkan berbanding saham setaranya berdasarkan metrik yang digunakan (seperti Jumlah Pulangan atau Perbelanjaan), dan kemudian 20% dana teratas dalam penarafan tersebut menerima penetapan Lipper Leader. Pendekatan Lipper Leaders tidak meramalkan prestasi masa depan, tetapi ia menyediakan konteks dan perspektif untuk membuat keputusan pelaburan dana berdasarkan pengetahuan.

ULASAN PENGURUS DANA

Ekuiti

Ekuiti Malaysia menyingkap tirai tahun 2026 dengan asas yang kukuh, disokong oleh dasar yang optimistik, isyarat makro yang bertambah baik, aliran masuk asing sebanyak RM1.05 bilion, ringgit yang lebih kukuh (+3.33% kepada RM3.9237/USD1), di samping kecairan pasaran yang tambah mengucur. Sentimen dirangsang oleh ucapan Tahun Baru 2026 Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menekankan pembaharuan tabdir urus, pelaksanaan yang lebih rapi, dan sokongan ekonomi jangka pendek, di samping pertumbuhan awal KDNK 4Q25 5.7% yang lebih baik daripada jangkaan. Ketegangan geopolitik juga terik pada awal Januari apabila AS bertalu-talu menyerang Venezuela pada 3 Januari 2026, berakhir dengan "penangkapan" Presiden Nicolas Maduro dan isterinya, yang diterbangkan keluar dari negara itu untuk berdepan pertuduhan di AS. Tidak lama kemudian, AS membuat tawaran untuk mengambil alih Greenland, namun ditentang sekutu NATO yang lain. Ketegangan ini mengendur selepas Eropah bersuara.

Indeks FBM Emas Syariah ditutup pada 12,275.32, naik 1.48% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Syariah menokok 0.78% pada bulan ini, mengatasi Indeks FBM Emas Syariah. Sektor yang memberi prestasi terbaik ialah Hartanah (+9.3%) dan Kewangan (+9.2%). Sektor yang berprestasi terburuk ialah Penjagaan Kesihatan (-2.5%) dan Pembinaan (-2.2%). Nilai purata yang didagangkan di Bursa pada Januari ialah RM3570 juta, naik 25% MoM.

Pendapatan tetap

Pada bulan Disember, inflasi keseluruhan meningkat kepada 1.6% (Nov: 1.4%), sebahagiannya disebabkan oleh harga elektrik yang lebih tinggi dan peningkatan kecil harga sayur-sayuran tertentu, manakala inflasi teras meningkat sedikit kepada 2.3% (Nov: 2.2%). Kadar pengangguran menurun kepada 2.9% pada bulan November (Okt:3.0%), mencerminkan pertumbuhan pekerjaan yang positif dan keadaan ekonomi yang menyokong. Rizab antarabangsa BNM berjumlah USD126.9 bilion pada 30 Januari 2026 (31 Dis: USD125.5 bilion). Kedudukan rizab ini mencukupi untuk membiayai 4.8 bulan import dan merupakan 0.9x daripada jumlah hutang luar jangka pendek. Sementara itu, nilai Ringgit menokok sebanyak 3.2% MoM berbanding USD, lalu ditutup pada 3.93 di akhir Januari (Dis: 4.060), disokong oleh dolar yang lebih lemah dan asas ekonomi Malaysia yang positif.

CIRI-CIRI PORTFOLIO SETAKAT 31 JANUARI 2026

	Nilai
Purata Tempoh (tahun)	5.52
Purata Hasil hingga Matang (%)	3.66

Nota: Portfolio ini mewakili bahagian Pendapatan Tetap Dana.

MAKLUMAT LAIN MENGENAI DANA

Tahun	2022	2023	2024	2025	2026
Prestasi Tahunan Dana (%)	-3.07	2.04	5.27	3.26	-
Prestasi Tahunan Penanda Aras (%)	-1.20	3.07	6.07	2.56	-
Tarikh/Agihan (RM)	18 Mar, 0.0194	17 Mar, 0.0265	15 Mar, 0.0276	30 Sep, 0.0026 31 Oct, 0.0027 26 Nov, 0.0026 26 Dec, 0.0026	26 Jan, 0.0026
Unit Split	-	-	-	-	-
Hasil Agihan (%)	2.53	3.53	3.69	0.35 0.37 0.35 0.35	0.36
Purata FD 12 Bulan (MBB%)	2.27	3.02	3.10	3.10	-

Sumber: Agihan dan Hasil Agihan diperoleh daripada Laporan Tahunan dana. Dana dan Penanda Aras bagi tahun semasa adalah berdasarkan angka Sejak Awal Tahun Sehingga Kini (YTD) yang diperoleh daripada Lipper for Investment Management. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

MAKLUMAT PENTING

Berdasarkan pulangan portfolio Dana setakat 31 Januari 2026, Faktor Kemeruapan (VF) Dana ini ialah 2.1 dan diklasifikasikan sebagai "Sangat Rendah" (Sumber: Lipper). "Sangat Rendah" secara amnya termasuk dana dengan VF yang lebih tinggi daripada 0.000 tetapi tidak lebih daripada 4.245. VF bermakna terdapat kemungkinan Dana akan menjana pulangan menaik dan pulangan menurun di sekitar VF ini. Kelas Kemeruapan (VC diberikan oleh Lipper berdasarkan tahap kuintil VF ke atas dana yang layak. VF tertakluk kepada semakan bulanan. VF Dana mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada VC, bergantung pada keadaan pasaran. Portfolio Dana mungkin telah berubah sejak tarikh ini dan tiada jaminan bahawa Dana akan terus mempunyai VF atau VC yang sama pada masa hadapan. Pada masa ini, hanya dana yang dilancarkan di pasaran untuk sekurang-kurangnya 36 bulan akan memaparkan VF dan VCnya.

Pelabur dinasihatkan membaca dan memahami kandungan EastSpring Investments Master Prospectus bertarikh 15 Julai 2017, EastSpring Investments First Supplementary Master Prospectus bertarikh 2 Februari 2018, EastSpring Investments Second Supplementary Master Prospectus bertarikh 31 Oktober 2018, EastSpring Investments Third Supplementary Master Prospectus bertarikh 2 Januari 2019, EastSpring Investments Fourth Supplementary Prospectus bertarikh 1 Ogos 2019, EastSpring Investments Fifth Supplementary Master Prospectus bertarikh 1 Oktober 2020, EastSpring Investments Sixth Supplementary Master Prospectus bertarikh 15 Disember 2021, EastSpring Investments Seventh Supplementary Master Prospectus bertarikh 30 Disember 2022, EastSpring Investments Eighth Supplementary Master Prospectus bertarikh 2 Februari 2024, EastSpring Investments Ninth Supplementary Master Prospectus bertarikh 3 Jun 2025 (secara kolektif, "Prospektus", serta Product Highlights Sheet ("PHS") Dana sebelum melabur. Prospektus dan PHS boleh didapati di pejabat EastSpring Investments Berhad atau pengedar sahnya dan pelabur mempunyai hak untuk meminta salinan Prospektus dan PHS.

Iklan ini belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Prospektus telah didaftarkan dengan SC yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya. Pendaftaran Prospektus dengan SC tidak bermakna atau menunjukkan bahawa SC telah mengesahkan atau mengendors produk tersebut. Unit hanya akan dikeluarkan setelah menerima borang permohonan yang disertakan dengan Prospektus. Prestasi lampau Dana bukanlah petunjuk prestasi masa hadapan Dana. Harga unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik. Apabila pecahan/agihan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa susulan pengeluaran unit tambahan/agihan, Nilai Aset Bersih ("NAB") seunit akan dikurangkan daripada NAB pra-pecahan unit/merangkap NAB agihan kepada NAB pasca-pecahan unit/NAB selepas pengagihan. Apabila pecahan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa nilai pelaburan mereka dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas terbitan unit tambahan. Pelaburan dalam Dana terdedah kepada risiko kredit atau lalai, risiko kadar faedah, risiko keselamatan dan risiko pengelasan semula status Syariah. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko ini dan risiko am lain seperti yang diuraikan dalam Prospektus serta yuran, caj dan perbelanjaan yang terlibat sebelum melabur. Pelabur juga mungkin ingin mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional sebelum membuat komitmen untuk melabur dalam unit mana-mana dana kami.

EastSpring Investments ("EastSpring") ialah anak syarikat milik penuh Prudential plc. Prudential plc, diperbadankan dan didaftarkan di England dan Wales. Pejabat berdaftar: 5th Floor, 10 Old Bailey, London, EC4M 7NG, UK. Nombor berdaftar 1397169. Prudential plc ialah syarikat induk, dengan beberapa anak syarikatnya diberi kuasa dan dikawal, mengikut mana yang berkenaan, oleh Pihak Berkuasa Insurans Hong Kong dan pihak berkuasa kawal selia yang lain. Prudential plc tidak bergabung dalam apa jua cara dengan Prudential Financial, Inc., sebuah syarikat yang tempat perniagaan utamanya adalah di Amerika Syarikat atau dengan Prudential Assurance Company Limited, anak syarikat M&G plc, sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom.